

A decorative border with a repeating floral and geometric pattern surrounds the central text. The pattern consists of small, intricate motifs that create a dense, lace-like effect.

BAB 3

BAB 3

TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT ISLAM KUALA LUMPUR MENGENAI *AL-KHILĀFAH AL-ISLĀMIYYAH*

3.1 Latar Belakang Responden

Penulis telah mendapatkan data-data untuk bab ketiga melalui metode soal selidik. Sebanyak 22 soalan telah dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A: Latar belakang responden, Bahagian B: Kefahaman Topik, Bahagian C: Sumber Maklumat dan Bahagian D: Kesediaan. Jumlah ini dirasakan berpatutan dengan persoalan konsep yang diutarakan kepada masyarakat umum.

Sebanyak 200 salinan borang telah diedarkan di sekitar Pusat Bandar Kuala Lumpur, Kampung Baru, Jalan Ampang, Kampung Pandan, Cheras, Sungai Besi, Bangsar, Lembah Pantai, Damansara, Wangsa Maju, dan Setapak. Manakala borang yang berjaya dikembalikan adalah sebanyak 189 salinan iaitu 95% dari jumlah edaran.

Penulis telah mendapat jumlah responden yang seimbang dari sudut jantina iaitu 48.1% lelaki dan 51.9% perempuan. Ia dapat dilihat pada jadual berikut:


Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	91	48.1%
Perempuan	98	51.9%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 1: Jantina

Dari sudut umur, responden-responden terdiri dari pelbagai peringkat umur meliputi golongan remaja, dewasa, berumur dan tua. Majoriti responden adalah dari kalangan dewasa yang berumur antara 25 hingga 40 tahun seperti dalam jadual berikut:

Umur	Kekerapan	Peratus
Remaja	38	20.1%
Dewasa	114	60.3%
Berumur	36	19.0%
Tua	1	0.5%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 2: Umur




Carta 1: Umur

Manakala dari aspek pendidikan pula, responden-responden mempunyai tahap pendidikan yang berbeza. Lebih separuh dari mereka iaitu 62.4% merupakan lepasan institut pengajian tinggi (IPT) dengan kelulusan diploma, ijazah pertama dan sarjana. Ia diikuti pula oleh lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) sebanyak 28.6%. Ini bersesuaian dengan masyarakat bandar Kuala

Lumpur yang didominasi golongan pekerja, peniaga dan kakitangan kerajaan. Jadual berikut menunjukkan peratusan responden mengikut tahap pendidikan:

Tahap pendidikan	Kekerapan	Peratus
Sekolah rendah	6	3.2%
SRP/PMR	3	1.6%
SPM/STPM	54	28.6%
IPT (Diploma/Ijazah)	118	62.4%
Doktor falsafah	4	2.1%
Sekolah pondok	1	0.5%
Tiada Jawapan	3	1.6%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 3: Tahap pendidikan




Carta 2: Tahap pendidikan

Dari sudut pekerjaan, kakitangan swasta merupakan golongan paling ramai iaitu sebanyak 48.1%. Ini diikuti pula oleh kakitangan kerajaan dengan 38.6% dan pelajar 9.5%. Bakinya sebanyak 3.6% bekerja sendiri, tidak bekerja dan tidak menjawab soalan. Jadual berikut menunjukkan peratusan tersebut:

Pekerjaan	Kekerapan	Peratus
Kakitangan swasta	91	48.1%
Kakitangan kerajaan	73	38.6%
Pelajar	18	9.5%
Tiada pekerjaan	4	2.1%
Bekerja sendiri	2	1.1%
Tiada Jawapan	1	0.5%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 4: Pekerjaan




Carta 3: Pekerjaan

Soal selidik menunjukkan bahawa hampir separuh (42.9%) dari jumlah responden berpendapatan antara RM 1,501 hingga RM 3,999. Ia diikuti oleh responden berpendapatan di bawah RM 1,501 sebanyak 38.6%. Seramai 15 orang (7.9%) berpendapatan antara RM 4000 hingga RM 9,999. Seramai 2 orang (1.1%) berpendapatan RM 10,000 dan ke atas. Bakinya (9.5%) tiada pendapatan di mana sebahagian besarnya adalah pelajar. Berikut adalah jadual pendapatan:

Pendapatan	Kekerapan	Peratus
RM 1,500 ke bawah	73	38.6%
RM 1,501 hingga RM 3,999	81	42.9%
RM 4000 hingga RM 9,999	15	7.9%
RM 10,000 dan ke atas	2	1.1%
Tiada pendapatan	18	9.5%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 5: Pendapatan



Carta 4: Pendapatan

3.2: Analisis Data

Penulis membuat analisis terhadap hasil soal selidik berdasarkan pecahan tajuk berikut:

3.2.1 Pendedahan Tentang Istilah *Khilāfah*


Dari 189 orang responden, 186 orang atau 98.4% dari mereka menyatakan pernah mendengar perkataan khalifah, *khilāfah* atau *al-Khilāfah al-Islāmiyyah*. Hanya seorang (0.5%) menafikan pernah mendengarnya dan 2 orang lagi (1.1%) tidak menjawab soalan tersebut.

3.2.2 Sumber Maklumat Utama

Penulis telah mengemukakan persoalan sumber paling kerap mereka mendapat pengetahuan tentang topik ini. Sebagai respon, penulis mendapati bahawa syarahan dan kuliah agama merupakan sumber utama responden mendapat pengetahuan mengenai khalifah. Peratusan sebanyak 33.3% menunjukkan bahawa dakwah melalui media tersebut paling berkesan menyampaikan mesej kepada sasaran. Ia diikuti pengajian di sekolah dengan kekerapan sebanyak 50 iaitu 26.5% sebagaimana tertera pada jadual dan carta berikut:

Sumber maklumat	Kekerapan	Peratus
Syarah/kuliah agama	63	33.3%
Pengajaran di sekolah	50	26.5%
Buku-buku bacaan	31	16.4%
Usrah	15	7.9%
Pengajian di unversiti	12	6.3%
Radio dan televisyen	7	3.7%
Pengajian di pondok	5	2.6%
Ceramah politik	4	2.1%
Majlis zikir	1	0.5%
Tiada Jawapan	1	0.5%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 6: Sumber maklumat



Carta 5: Sumber maklumat

Pada hemat penulis, syarahan dan kuliah agama merupakan program pengisian yang boleh diikuti oleh semua golongan tanpa memerlukan

kelayakan pendidikan. Tambahan pula, ia dapat diikuti sepanjang hayat dan tidak terbatas untuk umur tertentu sahaja. Pengajaran di sekolah pula menduduki tempat kedua berdasarkan subjek Pendidikan Islam atau Pengetahuan Agama Islam yang diajar di peringkat rendah dan menengah. Ia banyak membantu responden memahami topik ini, khususnya dalam mempelajari sejarah Islam selepas zaman Rasulullah s.a.w.

Sumber bacaan buku pula menduduki tempat ketiga paling kerap sebanyak 16.4%. Carta tahap pendidikan para responden sendiri menunjukkan bahawa 64.5% dari mereka sudah melepasi pendidikan IPT yang dapat membantu mereka memahami bahan bacaan untuk topik ini. Ini tidak termasuk 28.6% dari mereka yang sudah melepasi tahap SPM atau STPM di mana sebahagian dari mereka sedang menuntut di IPT. Kegiatan usrah juga menyumbang kepada pemahaman masyarakat terhadap topik ini dengan peratusan sebanyak 7.9%. Ia diikuti dengan pengajian di universiti dengan kekerapan 12 dan peratusan 6.3%.

Item radio dan televisyen kurang membantu dibandingkan dengan sumber maklumat terdahulu kerana mendapat 3.7% pilihan sahaja. Demikian juga pengajian di pondok lantaran kebanyakan institusi ini berada jauh dari Kuala Lumpur. Ceramah politik hanya mendapat 4 kekerapan (2.1%) walaupun penulis menjangkakan ia mendapat banyak kekerapan. Namun, sebahagian responden turut mencatatkan bahawa ceramah politik yang mereka maksudkan adalah ceramah yang dianjurkan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS).


Penulis turut memasukkan item majlis zikir kerana istilah khalifah juga digunakan dalam sesetengah aliran tarekat tasawuf. Walau bagaimanapun, hanya satu kekerapan diperolehi untuk item ini. Manakala baki responden (seorang) tidak menjawab soalan ini.

3.2.3 Jenis Bahan Bacaan

Penulis turut mengenalpasti sumber bacaan para responden. Kebanyakan responden (87.3%) mendapat maklumat mengenai topik ini melalui buku-buku sejarah. Ini kerana buku-buku sejarah Islam pasti mencatatkan institusi dan jawatan khalifah dalam pemerintahan. Demikian juga, responden mengakui mendapati kalimah khalifah di dalam kitab suci al-Qur'an dengan peratusan sebanyak 81.5%. Persoalan ini diutarakan kerana tajuk kajian ini menyentuh secara langsung topik *khalifah* di dalam al-Qur'an. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden menyedari bahawa konsep khalifah itu bukan sekadar nama jawatan dalam sejarah, bahkan ia telah diperkenalkan sendiri oleh al-Qur'an. Berikut adalah jadual bahan bacaan:

Jenis Bahan	al-Qur'an		Hadith		Fiqh		Tasawuf		Sejarah	
	Jumlah	Peratusan	Jumlah	Peratusan	Jumlah	Peratusan	Jumlah	Peratusan	Jumlah	Peratusan
al-Qur'an	154	81.5%	139	73.5%	84	44.4%	89	47.1%	165	87.3%
Buku-buku	33	17.5%	48	25.4%	103	54.5%	98	51.9%	22	11.6%
Jenis bahan sejarah	2	1.1%	2	1.1%	2	1.1%	2	1.1%	2	1.1%
Jumlah	189	100.0%	189	100.0%	189	100.0%	189	100.0%	189	100.0%

Jadual 7: Jenis Bahan bacaan



Carta 6: Jenis Bahan baca:

Sebanyak 73.5% responden mengakui mendapati kalimah khalifah di dalam kitab hadith, manakala 44.4% peratus dari mereka pula mendapatinya dalam kitab fiqh. Pada hemat penulis, peratusan ini agak kecil kerana tidak semua kitab fiqh menyentuh topik *khilafah*. Sebahagian kitab-kitab tersebut pula menyentuhnya hanya selepas perbincangan topik-topik ibadah, muamalat, munakahat dan jenayah.

Item kitab tasawuf turut dimasukkan walaupun topik *khilafah* jarang dibincangkan dalam disiplin ilmu ini. Namun, istilah khalifah terdapat dalam sesetengah kitab tasawuf tetapi dalam konteks yang berbeza. Ia sering diertikan sebagai guru atau syeikh kepada aliran tarekat. Item ini telah dipilih oleh 89 orang responden atau 47.1% dari mereka. Oleh itu, penulis telah membuat analisis keseluruhan item-item di bawah soalan ini dan mendapati bahawa 58 orang atau 30.7% menjawab memilih semua item. Manakala pilihan yang penulis anggap tepat iaitu 4 pilihan tidak termasuk kitab tasawuf telah dibuat oleh 11 orang responden atau 5.8%. Penulis meletakkan kemungkinan sebahagian responden yang memilih semua item hanya meneka-neka jawapan. Namun, baki 69.3% responden yang tidak memilih semua item masih dapat mengukuhkan analisis kepada soalan ini.

3.2.4 Tahap Kefahaman Masyarakat


Penulis telah mengemukakan 9 soalan untuk menilai kefahaman responden terhadap topik kajian. Ia dapat dibahagikan kepada 2 aspek iaitu konsep khalifah dan pemilihannya.

i. Konsep Khalifah

Soalan pertama menyentuh tentang pengertian khalifah. Sebanyak 40.7% dari responden memilih jawapan 'pemerintah'. Walaupun jawapan ini benar tetapi ia masih kurang tepat. Kekerapan kedua terbanyak adalah pada jawapan paling tepat iaitu 'ketua negara Islam' dengan peratusan sebanyak 34.9%. Ia diikuti dengan jawapan 'pengganti' iaitu pengertian dari sudut bahasa dengan peratusan sebanyak 12.7%. Jadual berikut menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan tersebut:

Maksud khalifah	Kekerapan	Peratus
Pemerintah	77	40.7%
Ketua negara Islam	66	34.9%
Pengganti	24	12.7%
Para sahabat yang menjadi al-khulafa' al-rasyidin	11	5.8%
Ketua kumpulan	6	3.2%
Guru/syeikh	2	1.1%
Tiada Jawapan	3	1.6%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 8: Maksud khalifah



Carta 7: Maksud khalifah

Tiga jawapan pertama di atas menunjukkan kefahaman yang baik di kalangan responden di mana 88.3% dari kalangan mereka memilih jawapan yang benar tetapi dalam konteks yang berbeza. Terdapat 5.8% responden atau 11 orang yang memilih jawapan 'para sahabat yang menjadi *al-khulafā' al-rāsyidīn*'. Jawapan ini menunjukkan mereka tidak memahami konsep *khilāfah* kerana hanya mendengar sejarah empat sahabat Rasulullah s.a.w. menjadi pemimpin umat Islam selepas kewafatan baginda s.a.w.

Seramai 6 orang atau 3.2% pula memilih jawapan 'ketua kumpulan'. Seramai 2 orang atau 1.1% sahaja yang memilih jawapan 'guru atau syeikh'. Jawapan-jawapan ini menunjukkan salah faham terhadap konsep asal khalifah sebagaimana digagaskan oleh al-Qur'ān. Ini kerana istilah tersebut (ketua kumpulan dan guru) hanya melibatkan kelompok yang kecil dalam sebarang kumpulan secara umum atau dalam aliran tarekat tertentu sahaja. Baki 3 orang atau 1.6% tidak menjawab soalan tersebut.

Analisis di atas disokong oleh hasil respon kepada jawapan soalan tentang khalifah pertama di dalam Islam. Seramai 164 orang atau 86.8% peratus memilih jawapan 'Abū Bakr al-Ṣiddiq'. Ini menunjukkan kepekaan sebahagian besar dari responden kepada sejarah Islam walaupun kurang memahami konsep khalifah yang sebenar. Hanya 9.5% responden memilih jawapan "Umar bin al-Khaṭṭāb", 1.6% memilih jawapan 'Hārūn al-Rasyīd' dan tiada yang memilih jawapan 'Umar bin 'Abd al-'Azīz'. Baki 2.1% tidak menjawab. Berikut adalah jadual kekerapan soalan ini:


Siapa khalifah pertama?	Kekerapan	Peratus
Abu Bakar al-Siddiq	164	86.8%
Umar bin al-Khattab	18	9.5%
Umar bin Abdul Aziz	0	0.0%
Harun al-Rasyid	3	1.6%
Tiada Jawapan	4	2.1%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 9: Khalifah pertama

Menyentuh tentang konsep pengganti, 51.9% responden bersetuju bahawa manusia adalah pengganti kepada 'generasi sebelumnya'. Sebanyak 40.7% kekerapan pula menyatakan manusia adalah pengganti kepada Allah s.w.t. Hanya 2.1% responden memilih manusia sebagai pengganti malaikat dan 1.6% memilih manusia sebagai pengganti jin. Berikut adalah jadual kekerapan persoalan di atas:

Manusia pengganti kepada	Kekerapan	Peratus
Generasi sebelumnya	98	51.9%
Allah s.w.t.	77	40.7%
Malaikat	4	2.1%
Jin	3	1.6%
Tiada Jawapan	7	3.7%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 10: Konsep pengganti



Carta 8: Konsep pengganti

Pecahan peratus di atas menunjukkan konsep manusia sebagai pengganti kepada Allah s.w.t. dalam melaksanakan perintah-Nya di bumi sudah sedia difahami oleh ramai di kalangan masyarakat Islam. Analisis di atas dikukuhkan dengan reaksi terhadap soalan 19 dalam Bahagian D, soal selidik yang dijalankan. Sebanyak 78.3% responden memilih jawapan 'memastikan semua hukum Islam (hukum Allah) terlaksana' bagi sebab sistem *khilāfah* menjadi penting di dalam Islam. Pemahaman terhadap konsep

manusia sebagai pengganti Allah s.w.t. diikuti dengan kefahaman bahawa tujuan penggantian itu adalah untuk melaksanakan perintah (hukum) Allah.

Walaubagaimanapun, peratusan tertinggi pada jawapan 'generasi sebelumnya' menunjukkan lebih separuh dari jumlah responden melihat konsep khalifah dari konteks sejarah.

Peratusan kecil (1.6%) pada jawapan jin pula menunjukkan bahawa tidak ramai di kalangan responden yang mendapat kefahaman tentang topik ini berdasarkan tafsiran al-Qur'an khususnya ayat 30 dari surah al-Baqarah. Ini berdasarkan penghasilan bab dua kajian ini yang memaparkan bahawa sebahagian besar ahli tafsir meriwayatkan pendapat tentang manusia adalah pengganti jin yang disandarkan kepada Ibn 'Abbās. Pada hemat penulis, ia disebabkan kebanyakan riwayat tersebut hanya tercatat dalam kitab-kitab tafsir besar yang majoritinya menggunakan Bahasa Arab. Pendapat tersebut jarang disebut di dalam terjemahan tafsir ringkas al-Qur'an dalam Bahasa Melayu atau Indonesia yang sering menjadi rujukan dalam memahami al-Qur'an oleh sebahagian besar masyarakat Islam Kuala Lumpur.


Penumpuan kepada konteks sejarah berbanding tafsiran al-Qur'an juga disokong oleh analisis terhadap sumber maklumat yang lalu. Kitab atau buku sejarah menduduki senarai teratas dalam kekerapan pada jadual 7 dan carta 6.

Analisis jawapan soalan 10 tentang istilah yang sinonim dengan khalifah juga cenderung ke arah itu. Seramai 132 orang atau 69.8% dari

jumlah responden memilih jawapan paling tepat iaitu 'Amir al-Mu'minin' berbanding peratusan kecil yang seimbang pada jawapan-jawapan lain. Kalimah 'Amir al-Mu'minin' lebih kerap disebut dalam konteks sejarah berbanding konteks tafsir, fiqh dan huraian hadith. Dalam kitab fiqh, tafsir dan huraian hadith, kalimah yang sering digunakan selain khalifah adalah imam (*imāmah* dan *imāmah 'uzmā*) dan sultan (seperti *al-aḥkām al-sultāniyyah*). Jadual dan carta berikut menjelaskan lagi analisis di atas:

Istilah sinonim dengan khalifah	Kekerapan	Peratus
Amirul Mukminin	132	69.8%
Raja	17	9.0%
Menteri	16	8.5%
Sultan	12	6.3%
Imam	9	4.8%
Kadi	0	0.0%
Tiada Jawapan	3	1.6%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 11: Istilah sinonim




Carta 9: Istilah sinonim

Persoalan tentang tugas utama khalifah juga diketengahkan. Sebanyak 75.1% kekerapan memilih tugas utama khalifah adalah mentadbir urusan negara. Manakala 22.2% pula memilih 'memimpin urusan keagamaan. Namun, berdasarkan catatan-catatan di tepi jawapan, sebahagian responden cenderung untuk menyatakan tugas khalifah adalah kedua-dua jawapan tadi. Bakinya memilih jawapan yang lain, 2 orang bagi setiap pilihan sebagaimana dalam jadual berikut:

Tugas utama khalifah	Kekerapan	Peratus
Mentadbir urusan negara	142	75.1%
Memimpin urusan keagamaan	42	22.2%
Menjadi imam sembahyang	2	1.1%
Berkhutbah	2	1.1%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 12: Tugas khalifah




Carta 10: Tugas khalifah

ii. Kaedah Pemilihan Khalifah

Penulis turut mengutarakan soal pemilihan khalifah dalam menilai kefahaman masyarakat terhadap topik kajian ini. Berdasarkan soalan kaedah pemilihan khalifah yang paling sesuai, 77.2% responden memilih kaedah pemilihan melalui keputusan syura. 21.2% pula memilih kaedah pilihan orang ramai. Hanya 2 orang atau 1.1% memilih jawapan 'warisan (monarki)' dan seorang atau 0.5% memilih jawapan 'rampasan kuasa'. Berikut adalah jadual kekerapan kaedah pemilihan:

Kaedah pemilihan khalifah	Kekerapan	Peratus
Keputusan syura	146	77.2%
Pilihan orang ramai	40	21.2%
Warisan (monarki)	2	1.1%
Rampasan kuasa	1	0.5%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 13: Kaedah pemilihan



Carta 11: Kaedah pemilihan

Hasil kekerapan di atas selaras dengan reaksi responden terhadap soalan tentang sistem raja negeri-negeri di Malaysia. Seramai 158 orang atau 83.6% dari jumlah responden tidak bersetuju bahawa sistem tersebut boleh dianggap sebagai *khilāfah* Islam. Hanya 28 orang atau 14.8% responden menyatakan 'Ya' bagi soalan itu dan baki 3 orang tidak menjawab seperti tertera pada jadual berikut:


Sistem raja Malaysia sama seperti <i>khilāfah</i> ?	Kekerapan	Peratus
Ya	28	14.8%
Tidak	158	83.6%
Tiada Jawapan	3	1.6%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 14: Sistem raja Malaysia

Penulis turut menilai kefahaman dari sudut syarat kelayakan sebagai khalifah. Dua soalan dikemukakan menyentuh syarat ilmu dan sempurna anggota badan. Reaksi kepada soalan 14 (syarat pertama) menunjukkan majoriti responden mengetahui bahawa syarat ilmu adalah penting bagi khalifah di mana 77.2% memilih jawapan 'ulamak' bagi soalan 'siapakah yang lebih sesuai menjadi khalifah'. Manakala 21.2% pula memilih 'orang yang warak', 0.5% (seorang) memilih jawapan 'orang yang lebih tua' dan tiada kekerapan bagi jawapan 'orang kaya'. Baki 2 orang tidak menjawab. Berikut adalah jadual bagi soalan tadi:

Siapa lebih sesuai sebagai khalifah	Kekerapan	Peratus
Ulamak	146	77.2%
Orang yang warak	40	21.2%
Orang yang lebih tua	1	0.5%
Orang kaya	0	0.0%
Tiada Jawapan	2	1.1%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 15: Siapa layak sebagai khalifah



Carta 12: Siapa layak

Soalan 15 (syarat kedua) pula menunjukkan tahap kefahaman yang baik di kalangan majoriti responden. Seramai 149 orang atau 78.8% responden tidak bersetuju seorang yang buta sesuai menjadi khalifah. Sebaliknya, 20.1% atau 38 orang bersetuju dan baki 2 orang tidak menjawab. Berikut adalah jadual kekerapan bagi soalan tersebut:

Orang buta sesuai sebagai khalifah?	Kekerapan	Peratus
Ya	38	20.1%
Tidak	149	78.8%
Tiada Jawapan	2	1.1%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 16: Orang buta


3.2.5 Kesediaan Responden Menerima Sistem *Khilāfah*

Penulis telah memulakan persoalan bahagian ini dengan kepentingan sistem *khilāfah*. Hampir keseluruhan (98.9%) responden bersetuju bahawa sistem *khilāfah* adalah penting di dalam Islam. Hanya seorang menyatakan tidak (0.5%), manakala seorang lagi (0.5%) tidak menjawab.

Soalan berikutnya meminta responden memilih alasan bagi sikap mereka terhadap pertama tadi. Sebanyak 78.3% kekerapan memilih jawapan yang tepat dengan menyatakan bahawa sistem tersebut penting di dalam Islam untuk 'memastikan semua hukum Islam terlaksana'. Seramai 32 orang pula (16.9%) memilih jawapan 'untuk memartabatkan maruah umat'. Tiga orang (1.6%) memilih jawapan 'untuk menghapuskan semua manusia yang kafir' dan bilangan yang sama juga memilih jawapan untuk 'menghapuskan semua agama yang sesat'. Baki tiga orang (1.6%) tidak menjawab termasuk 2 orang yang memilih 'Tidak' dan tidak menjawab bagi soalan sebelumnya. Berikut adalah jadual peratusan soalan ini:

Kenapa sistem <i>khilāfah</i> penting?	Kekerapan	Peratus
Memastikan semua hukum Islam terlaksana	148	78.3%
Memartabatkan maruah umat	32	16.9%
Menghapuskan semua manusia kafir	3	1.6%
Menghapuskan semua agama sesat	3	1.6%
Tiada Jawapan	1	0.5%
Tidak patut menjawab	2	1.1%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 17: *Khilāfah* penting



Carta 13: *Khilāfah* penting

Respon kepada soalan ketiga pula menunjukkan sikap tidak konsisten di kalangan sesetengah responden apabila jumlah yang menanda jawapan (14 orang) melebihi jumlah yang sepatutnya menjawab soalan ini (seorang sahaja). Seramai 7 orang menyatakan alasan 'sukar dilaksanakan', 3 orang memilih jawapan 'sudah tidak sesuai untuk zaman sekarang', 3 orang juga memilih jawapan 'umat Islam akan dipulau oleh dunia' dan seorang meletakkan alasan 'tiada keperluan untuk

dilaksanakan'. Berikut adalah jadual imbangan antara peratus keseluruhan dan peratus yang menjawab soalan tersebut:

Kenapa sistem <i>khilāfah</i> tidak penting?	Kekerapan	Peratus Keseluruhan	Peratus Dalam Kelompok
Sukar untuk dilaksanakan	7	3.7%	50.0%
Sudah tidak sesuai untuk zaman sekarang	3	1.6%	21.4%
Umat Islam akan dipulau dunia	3	1.6%	21.4%
Tiada keperluan untuk dilaksanakan	1	0.5%	7.1%
Tiada Jawapan	175	92.6%	-
Jumlah	189	100.0%	

Jadual 18: *Khilāfah* tidak penting

Analisis di atas menunjukkan bahawa walaupun majoriti besar di kalangan responden bersetuju tentang kepentingan sistem *khilāfah* di dalam Islam, namun tahap kesediaan mereka untuk menerima sistem tersebut tidak selaras dengan sikap mereka terhadap kepentingan sistem *khilāfah*

Oleh itu, penulis menilai kembali kesediaan tersebut berdasarkan soalan 22 mengenai status Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Seramai 66 orang atau 34.9% responden bersetuju bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam. Peratus yang tidak bersetuju pula lebih besar iaitu 61.4% atau 116 orang. Baki 7 orang atau 3.7% tidak menjawab soalan ini. Berikut adalah jadual respon bagi soalan tersebut:

Malaysia sebuah negara Islam?	Kekerapan	Peratus
Ya	66	34.9%
Tidak	116	61.4%
Tiada Jawapan	7	3.7%
Jumlah	189	100.0%


Jadual 19: Malaysia negara Islam

Respon pada jadual di atas lebih jelas menunjukkan sikap responden terhadap keperluan sistem *khilāfah* pada masa kini. Walaupun majoriti mereka (98.9%) bersetuju dengan kepentingan sistem *khilāfah*, namun kesedaran untuk kembali kepada sistem itu tidak ditunjukkan oleh 34.9% dari mereka. Ini kerana dengan menyatakan Malaysia adalah sebuah negara Islam, maka tidak timbul lagi isu untuk mengembalikan sistem *khilāfah* dalam kehidupan masyarakat Islam di negara ini. Sikap ini menunjukkan mereka sudah berpada dengan sistem yang ada pada hari ini.

Analisis terakhir adalah terhadap contoh sistem *khilāfah* Islam. Seramai 112 orang atau 59.3% memilih jawapan tepat bagi soalan ini iaitu Kerajaan ‘Uthmāniyyah Turki, 30 orang memilih jawapan Republik Islam Iran, 11 orang memilih Kerajaan Taliban Afghanistan dan 7 orang memilih Kerajaan Melayu Melaka. Baki yang tidak menjawab agak besar iaitu 29 orang atau 15.3%. Berikut adalah jadual kekerapannya:

Contoh <i>khilāfah</i> Islam	Kekerapan	Peratus
Kerajaan Ottoman/Uthmaniyyah Turki	112	59.3%
Republik Islam Iran	30	15.9%
Kerajaan Taliban Afghanistan	11	5.8%
Kerajaan Melayu Melaka	7	3.7%
Tiada Jawapan	29	15.3%
Jumlah	189	100.0%

Jadual 20: Contoh *khilāfah*



Carta 14: Contoh *khilāfah*


Jadual di atas menunjukkan bahawa lebih separuh dari jumlah responden mengenali Kerajaan ‘Uthmāniyyah Turki dan peranannya sebagai *khilāfah* Islam. Mereka dapat membezakannya dengan Kerajaan Melaka yang hanya bernaung di bawah Kerajaan Turki. Demikian juga kerajaan-kerajaan yang muncul dengan nama Islam yang ada pada hari ini masih belum dianggap oleh mereka sebagai model

terbaik *khilāfah*. Pilihan jawapan Republik Islam Iran mencerminkan imej positif Iran yang agak ketara sebagai model kerajaan Islam berbanding dengan Kerajaan Taliban yang lebih rendah dari Kerajaan Melaka.

Apa yang lebih menarik untuk dianalisis adalah peratus tinggi pada responden yang tidak menjawab. Ia menunjukkan bilangan yang agak besar tidak mengenali kedudukan Kerajaan ^Uthmāniyyah sebagai *khilāfah* terakhir. Apatah lagi ia sebagai sebuah kerajaan yang kedua paling lama memimpin dunia Islam selepas Kerajaan ^Abbāsiyyah di Baghdad dan kerajaan Islam yang berjaya mengalahkan empayar Rom Timur (Byzantine). Pada hemat penulis, sejarah Kerajaan Turki kurang didedahkan kepada masyarakat Islam di Kuala Lumpur khususnya berbanding kerajaan-kerajaan awal Islam yang lain.

3.3 Analisis Keseluruhan

Secara keseluruhan, penulis mendapati majoriti responden menjawab jawapan yang tepat bagi soalan-soalan yang menguji kefahaman kecuali pada soalan 7 dan 8. Hasil ini menunjukkan tahap kefahaman yang baik di kalangan responden kecuali dalam aspek pengertian dan maksud khalifah itu sendiri (pada soalan 7 dan 8). Ini dapat dilihat berdasarkan carta di bawah:



Carta 15: Jawapan tepat

Oleh itu, penulis berpendapat bahawa lebih 50% dari responden telah memahami topik khilafah dengan baik. Bahkan majoriti reaksi terhadap soalan adalah betul di tahap 75% ke atas. Ia dimulai dengan soalan pendedahan terhadap istilah *khilāfah* dan kepentingan *khilāfah* yang mendapat peratus kekerapan 90% dan ke atas, diikuti dengan soalan kefahaman lain yang mendapat peratus kekerapan antara 59% hingga 86%. Secara umumnya, responden memahami topik *khilāfah* dengan baik

walaupun sebahagian dari mereka belum atau tidak bersedia menerima sistem tersebut.